



Ruj. Kami : JPNWP.400-2/3/38 Jld.9 (14)

Tarikh 09 April 2019

PENGURUS SYARIKAT

Tuan,

SURAT TAWARAN MENYERTAI SEBUT HARGA DI JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dengan sukacitanya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat tuan adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga bagi **Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan (**Sila rujuk Kenyataan Sebut Harga**).
3. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak tuan berminat untuk menyertai sebut harga ini, pihak tuan diminta membawa bersama **sijil asal** seperti Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat (KKM) / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil-Sijil yang berkenaan semasa menghadiri taklimat lawatan tapak. Kehadiran adalah **diwajibkan** dan hanya syarikat/kontraktor yang layak serta menghadiri taklimat lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga.
4. Syarikat/Kontraktor boleh mendapatkan dokumen sebut harga bermula 12 April 2019 (Jumaat) pada waktu pejabat pada jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di Aras 1, Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**Sila bawa Borang Pengesahan Lawatan Tapak**). Tarikh tutup sebut harga adalah pada 18 April 2019 (Khamis) jam 12.00 tengah hari. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, dilakri dan dihantar atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Aras 1, Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas nama:-

**Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin,
50604 Kuala Lumpur.
(u.p.: Unit Pembangunan)**

5. Bagi mengelakkan kesesakan semasa pendaftaran, tuan hendaklah hadir awal ke lokasi yang ditetapkan dan sila rujuk **Lampiran 1** bagi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2019. Sebarang pendaftaran lewat tidak akan dilayan. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ISMAIL BIN MUSA)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.

s.k. Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan